

1,400 atlet berkampung di UNIMAS

Mawan menyifatkan temasya sukan IPT Borneo 2013 sebagai manifestasi semangat setiakawan

Oleh Nick Fletcher

KOTA SAMARAHAN: Kejohanan Sukan Persahabatan Staf Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Borneo 2013, dengan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) selaku tuan rumah mendapat penyertaan membanggakan apabila mengumpul hampir 1,400 atlet dari 19 kontinjen IPT dari Sarawak, Sabah termasuk Brunei dan Indonesia.

Kejohanan berlangsung selama lima hari dari 3 hingga 8 Februari di Kompleks Sukan Unimas, dengan objektif mengeratkan hubungan antara IPT sekitar Borneo melalui persaingan dalam 13 acara yang dipertandingkan.

Kejayaan penganjuran itu mendapat pujian Menteri Pembangunan Sosial, Tan Sri William Mawan Ikom ketika merasmikan kejohanan itu di DeTAR Putra, UNIMAS di sini malam kelmarin menyifatkan temasya itu sebagai manifestasi daripada semangat setiakawan dan permuafakatan.

"Bagi saya, apa yang lebih signifikan ialah kejayaan menganjurkan acara ini adalah sebagai manifestasi semangat setiakawan, muafakat dan kesungguhan untuk mencapai sesuatu tujuan yang bersama-sama dikongsi oleh semua pihak iaitu untuk menjadikan penganjuran kejohanan ini sebagai acara yang berjaya dan boleh dibanggakan," katanya.

Sehubungan itu, Mawan berharap semangat permuafakatan itu akan menjadi amalan semua dalam menjalankan tugas masing-masing untuk memenuhi misi iaitu 'Bersatu Ke Arah Kegemilangan Universiti Borneo'.

Dalam pada itu, beliau juga amat gembira kerana



RASMI: Mawan (tengah) menyempurnakan merasmikan Kejohanan Sukan Persahabatan Staf IPT Borneo 2013. Turut kelihatan Khairuddin (kiri) dan Hatta (kanan) di UNIMAS Kota Samarahan. — Gambar Mohd Rais Senusi

“ Kita harap, kejohanan seterusnya akan menyaksikan penyertaan yang sepenuhnya oleh semua IPT Borneo dan juga delegasi kontinjen jempunan.”

Tan Sri William Mawan Ikom
Menteri Pembangunan Sosial

semua IPT Borneo dan juga delegasi kontinjen jempunan, Brunei dan Indonesia mengambil bahagian pada kejohanan walaupun tidak semua mengambil bahagian dalam semua acara yang dipertandingkan.

"Kita harap, kejohanan seterusnya akan menyaksikan penyertaan yang sepenuhnya oleh semua IPT Borneo dan juga delegasi kontinjen jempunan," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor Unimas Prof Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid turut berbangga terhadap

komitmen yang telah ditunjukkan oleh semua kontinjen dalam merealisasikan penganjuran kejohanan itu di sini.

"Setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana memberi kepercayaan yang cukup besar kepada UNIMAS untuk menjadi tuan rumah bagi edisi kali ini.

"Saya yakin kepercayaan yang diberikan ini mampu meningkatkan semangat seluruh warga UNIMAS dalam menyediakan segala yang terbaik bagi menyambut

ketibaan kontinjen Borneo, Brunei dan Indonesia serta pihak lain yang terlibat pada kejohanan ini," katanya.

Sembilanbelas kontinjen terlibat pada kejohanan itu terdiri daripada UNIMAS, Universiti Brunei Darussalam, Universiti Sultan Sharif Ali, Institut Teknologi Brunei, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Universiti Teknologi Swinburne, Politeknik



Kuching, Politeknik Mukah, Politeknik Kota Kinabalu, Kolej Komuniti Kuching, Kolej Komuniti Mas Gading, Institut Perguruan Batu Lintang dan Institut Kemahiran MARA Kuching.

Acara yang dipertandingkan ialah badminton campuran, futsal lelaki, wanita dan veteran, bola sepak senior, tenis lelaki (individu), tenpin bowling lelaki dan wanita, bola jaring, karom campuran, dart

Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sabah Kampus Antabangsa Labuan, UiTM Kampus Samarahan, UiTM Sabah, Universiti Putra Malaysia Kampus

Bintulu, Universiti Teknologi Swinburne, Politeknik

(lelaki) serta ping pong lelaki dan wanita individu.

Hadir sama pada majlis perasmian ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Dr Hatta Solhi.